

BIL	PROJEK	KOS (RM)	KONTRAKTOR	CATATAN
1	Projek Menaiktaraf Kolam Tebatan Banjir Krubong – Durian Tunggal Sebagai Kolam Dwi-Fungsi Untuk Tebatan Banjir Dan Sumber Air Negeri Melaka (Reka Dan Bina)	578,550,000.00	Mangkubumi Sdn Bhd	Program JANAWIBAWA (selektif)
2	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2, Selangor	2,000,000,000.00	Mangkubumi Sdn Bhd	Rundingan Terus



Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

SENARAI SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dr.,

PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN SELARAS PERANAN DAN FUNGSI KERAJAAN *CARETAKER*

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dr. mengenai perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dr. sedia maklum, Parlimen Ke-14 telah dibubarkan pada 10 Oktober 2022 setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Susulan daripada pembubaran Parlimen, Jemaah Menteri sedia ada akan terus wujud sebagai Kerajaan *Caretaker* dan ia akan terus berfungsi sehingga Jemaah Menteri yang baharu dilantik selepas keputusan pilihan raya atau sehingga bermulanya penggal baharu Parlimen.

3. Selaras dengan Garis Panduan Peranan dan Fungsi Kerajaan *Caretaker* yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022, pelaksanaan perolehan Kerajaan oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan ("Agensi") adalah tertakluk kepada peranan dan fungsi Kerajaan *Caretaker* seperti yang berikut:

- (i) meneruskan pelaksanaan dasar-dasar, program dan projek pembangunan sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan sebelum tempoh Kerajaan *Caretaker*;
- (ii) membuat apa-apa perjanjian, kontrak dan aku janji yang mana dasar telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum tempoh Kerajaan *Caretaker*, dengan syarat peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Kerajaan dan Parlimen khususnya di bawah Rancangan Malaysia atau Belanjawan tahun semasa; dan

- (iii) walau bagaimanapun, apa-apa komitmen kontraktual atau aku janji (*undertaking*) hendaklah dielakkan, termasuklah apa-apa rundingan atau aku janji baharu yang boleh mengikat dan membebankan serta memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan baharu.

4. Oleh itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan berkaitan dasar-dasar, program dan projek pembangunan sedia ada dapat diteruskan, Agensi hendaklah meneruskan proses perolehan Kerajaan seperti yang berikut:

(i) Pengiklanan, Penilaian dan Memuktamadkan Perolehan

Bagi perolehan atau projek berkaitan dasar-dasar atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini, pengiklanan, penilaian dan proses memuktamadkan perolehan oleh Pihak Berkuasa Melulus (PBM) seperti Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) bolehlah diteruskan tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

(ii) Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST)

Proses pengeluaran SST boleh diteruskan berdasarkan pemberian kuasa oleh Menteri kepada pegawai awam yang dibuat menurut Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120] bagi perolehan yang dilaksanakan secara terbuka (tender/ sebut harga) terhad kepada perolehan atau projek berkaitan dasar-dasar atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini.

(iii) Perubahan dan Pelanjutan Tempoh Kontrak

Bagi perolehan atau projek berkaitan dasar-dasar atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini, Agensi boleh melaksanakan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

(iv) Pentadbiran Kontrak

Perkara-perkara lain berkaitan pentadbiran kontrak hendaklah diuruskan tertakluk kepada terma dan syarat kontrak serta pematuhan kepada peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

5. Selain itu juga, Kementerian Kewangan turut menyediakan Soalan-soalan Lazim Pelaksanaan Perolehan Semasa Tempoh Kerajaan *Caretaker* seperti di **Lampiran B** sebagai panduan. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai seperti berikut:

- (i) **Encik Mohd Fairuz bin Sa'don**
03-8882 8897; mfairuz.sadon@mof.gov.my
- (ii) **Encik Muhammad Haziq bin Tajuddin**
03-8882 4092; haziq.tajuddin@mof.gov.my


6. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Dr. adalah dipohon bagi memastikan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan demi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas sepanjang tempoh Kerajaan *Caretaker*.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN RASHIDAH BINTI MOHD SIES)

b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

LAMPIRAN A

- 1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali**
Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

- 2. YBhg. Dato' Sri Mohd Syafiq bin Abdullah**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Blok C1-C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

- 3. YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun**
Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
Aras 16, No.45, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

- 4. YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 1, Blok F11, Kompleks Parcel F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

- 5. YBhg. Datuk Seri Nik Azman Nik Abdul Majid**
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 19 Oktober 2022

- 6. YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 7. YBhg. Dato' Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
- 8. YBhg. Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
- 9. YBhg. Datuk Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
- 10. YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

11. YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 4, Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

12. YBhg. Datuk Dr. Yaacob bin Mustafa

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 8, Bahagian Pengurusan Tertinggi
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 PUTRAJAYA

13. YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail

Ketua Pengarah
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

14. YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Aras 11 (Menara), No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA

15. YBhg. Datuk Yusran Shah bin Mohd Yusof

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

16. YBhg. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

17. YBhg. Datuk Ravi Muthayah

Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
No.15, Aras 10, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA

18. YBhg. Datuk Harjeet Singh A/L Hardev Singh

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

19. YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

20. YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

21. YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA

22. YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

23. YBhg. Dato' Ramlan bin Harun

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

24. YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

25. YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar

Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 16 Oktober 2022

26. YBhg. Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi

Ketua Pengarah
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

27. YBhg. Dato' Wira Wan Ahmad Uzir bin Haji Wan Sulaiman

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

28. YBhg. Dato' Jana Santhiran A/L Muniayan

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

29. YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa

Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Aras 17, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA

30. YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Ruj. Kami : MOF.BPK (S) 600-1/1/4 (3)
Tarikh : 18 Oktober 2022

31. YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

32. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA

33. YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Sumber Manusia
Aras 9, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

34. YBhg. Datuk Dr. Zunika binti Mohamed

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 8, Menara PRISMA
Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

Edaran dalaman:

YBhg. Datuk Seri KSP
YBhg. Datuk TKSP (D)
YBhg. Dato' PBN
YBrs. Tuan SBPK
YBrs. Tuan SBDSP
YBrs. Puan PCP
YBhg. Dato' SUSK kepada YBMK

LAMPIRAN B

**SOALAN-SOALAN LAZIM
PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN
SEMASA TEMPOH KERAJAAN CARETAKER**

Soalan-soalan lazim ini disediakan sebagai panduan kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan ("Agensi") mengenai pengurusan perolehan Kerajaan dalam tempoh Kerajaan *Caretaker* selepas pembubaran Parlimen Ke-14 selaras dengan Garis Panduan Peranan dan Fungsi Kerajaan *Caretaker* yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022 bagi memastikan pelaksanaan perolehan Kerajaan yang cekap dan berkesan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah proses memuktamadkan perolehan boleh diteruskan semasa tempoh Kerajaan <i>Caretaker</i> bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek?	Bagi perolehan berkaitan dasar-dasar, projek atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Kerajaan dan Parlimen, proses memuktamadkan perolehan melibatkan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) iaitu Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) dan pengeluaran SST bagi perolehan yang dilaksanakan secara terbuka (tender terbuka/ sebut harga) boleh diteruskan berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.
2.	Bolehkah proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) bagi perolehan yang telah dimuktamadkan oleh PBM diteruskan?	Bagi perolehan berkaitan dasar-dasar, projek atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Kerajaan dan Parlimen, proses pengeluaran SST boleh diteruskan berdasarkan peraturan, tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa tertakluk kepada pemberian kuasa oleh Menteri kepada pegawai awam yang dibuat menurut Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].
3.	Bolehkah proses perolehan secara rundingan terus diteruskan?	Bagi perolehan berkaitan dasar-dasar, projek atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Kerajaan dan Parlimen, proses permohonan perolehan secara rundingan terus, rundingan harga dan memuktamadkan harga boleh

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>diteruskan tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.</p> <p>Namun, selaras dengan Garis Panduan Peranan dan Fungsi Kerajaan <i>Caretaker</i> yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022 yang antara lain menetapkan apa-apa komitmen kontraktual termasuklah apa-apa rundingan atau <i>undertaking</i> baharu yang boleh mengikat dan membebankan Kerajaan baharu serta memberi implikasi kewangan tidak sewajarnya dibuat, Agensi boleh mempertimbang untuk menanggungkan terlebih dahulu pengeluaran SST sehingga pelantikan Jemaah Menteri yang baharu kelak.</p>
4.	Adakah pengeluaran SST bagi projek fizikal yang menggunakan peruntukan pembangunan (DE) boleh diteruskan?	Proses pengeluaran SST bagi projek fizikal yang menggunakan anggaran perbelanjaan pembangunan (DE) yang telah diluluskan (berdasarkan kepada peruntukan dipinda) dan dilaksanakan secara terbuka (tender terbuka/ sebut harga) boleh diteruskan.
5.	Adakah pengeluaran SST bagi perolehan yang menggunakan peruntukan mengurus (OE) boleh diteruskan?	Proses pengeluaran SST boleh diteruskan hanya bagi perolehan yang menggunakan peruntukan mengurus (OE) dan dilaksanakan secara terbuka (tender terbuka/ sebut harga) bagi dasar/ program sedia ada yang telah diluluskan (berdasarkan kepada peruntukan dipinda) bagi dasar-dasar, projek atau program sedia ada sahaja.
6.	Adakah Agensi dibenarkan membuat sebarang perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak dalam tempoh Kerajaan <i>Caretaker</i> ?	Bagi perolehan atau projek berkaitan dasar-dasar atau program sedia ada yang peruntukan kewangan baginya telah diluluskan oleh Parlimen sebelum ini, Agensi boleh melaksanakan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.